

21 OCT 2003

Mahathir-US/I

MAHATHIR MINTA US TIDAK GUNA KEKERASAN, GUNA PENDEKATAN BERBAIK-BAIK

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat (US) wajar mengubah pendekatannya yang menggunakan kekerasan dalam menangani konflik di seluruh dunia tetapi sebaliknya kembali kepada kaedah berbaik-baik yang berjaya memenangi hati ramai orang pada masa lepas.

Dalam temubual dengan Bangkok Post semalam dan disiarkan hari ini, Perdana Menteri berkata jika US terus menggunakan pendekatan semasa, ia tidak akan mampu menyelesaikan konflik yang dimulakannya.

"Mereka mesti belajar. Saya mengagumi Amerika Syarikat. Mereka menyelamatkan kita daripada pendudukan Jepun dan pada satu masa mereka juga bimbang dengan kebajikan semua orang," katanya.

Dr Mahathir yang akan bersara dalam masa 10 hari, berkata beliau sedih melihat kedutaan-kedutaan Amerika di seluruh dunia dilindungi, berbanding pada masa lepas ketika mereka memberi bantuan kepada semua orang dan menghantar pasukan khidmat bakti ke seluruh dunia.

"Ini merupakan ukuran perasaan buruk terhadap Amerika sekarang. Ini kerana mereka telah menukar sikap. Mereka menjadi terlalu berkuasa," katanya.

Dr Mahathir yang berada di sini untuk menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Pasifik (Apec), berkata Amerika Syarikat selaku satu-satunya kuasa besar, seolah-olah tidak menghiraukan sama ada orang lain sukakan mereka atau tidak.

Beliau berkata menggunakan kekerasan untuk menindas pihak lain seolah-olah menjadi dasar luar mereka sekarang dan sekatan dikenalkan ke atas negara-negara yang dilabelkan sebagai tidak demokratik.

Dr Mahathir berkata dasar menggunakan kekerasan bagi membanteras keganasan telah menyukarkan negara-negara seperti Malaysia dan Indonesia.

"Dan ia tidak membantu pun Amerika Syarikat kerana mereka tidak dapat menyelesaikan masalah ini menggunakan kekerasan semata-mata, tidak mengira betapa kuatnya mereka. Dan seperti yang anda lihat di Iraq, mereka boleh menakluk Iraq tetapi mereka tidak dapat menahan, penduduk akan menembak melulu ke arah anda," katanya.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia dalam menangani keganasan dengan jelas menunjukkan bahawa mengenal pasti punca konflik dan keganasan selain memenangi hati rakyat, merupakan pendekatan terbaik.

"Kebanyakan pengganas pada masa lepas membabitkan kaum Cina. Di bawah pemerintahan British, mereka tidak diberikan hak, mereka bukan warganegara, jadi mereka mahu mengambil alih negara untuk diri sendiri, jadi kita berikan mereka taraf kerakyataan dan peluang untuk menjalankan perniagaan," katanya.

Pada temubual bersama ketua pengarang akhbar berkenaan Pichai Chuensuksawadi, Dr Mahathir juga bercakap mengenai keganasan, globalisasi, demokrasi dan cabaran-cabaran yang beliau tempuhi sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Ditanya mengenai ucapannya pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya minggu lepas yang mencetuskan bantahan keras, Dr Mahathir menegaskan ia telah dipetik di luar konteks.

"Dalam ucapan saya, saya mengutuk keganasan, malah pengebom berani mati dan saya memberitahu umat Islam sudah sampai masanya kita menghentikan semua ini dan merenung sejenak dan memikirkan sesuatu yang lebih produktif. Itulah intipati ucapan saya, tetapi mereka memetik satu baris bahawa saya

mengatakan orang Yahudi menguasai dunia," katanya.

Namun berdasarkan reaksi dari seluruh dunia katanya menunjukkan bahawa Yahudi memang menguasai dunia.

Dr Mahathir juga membuat kenyataan berterus-terang mengenai krisis kewangan, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), politik wang, kroni, media Barat, badan kehakiman serta konflik Israel-Palestin.

-- BERNAMA

AR MKO RM LAT